



Buletin Kelab



KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT MATRKULASI UIAM



Berita Semasa Kelab

Kejohanan Bowling Pusat matrikulasi UIAM 2006. Pada 08/04/06 bertempat di One Utama. Kejohanan tersebut telah mendapat sambutan yang meriah. Turut hadir di kejohanan tersebut En. Raja Khairuddin Raja Baharum bagi mewakili Dekan Pusat Matrikulasi UIAM. Di kejohanan itu banyak terdapat bakat-bakat baru yang berkebolehan. Tahniah kepada pengajur kejohanan tersebut yang diketuai oleh Puan Nor Rohaida Mohamed.

Sambutan Hari Lahir Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Encik Abbas Hassan. Diadakan di Bilik Mesyuarat Al Shafiee pada 27/03/2006. Sambutan hari lahir Encik Abbas yang ke 59 tahun. Anjuran Jabatan Pentadbiran. Di majlis tersebut En. Abbas telah memotong kek dan disertai ucapan tahniah dari para hadirin. Semoga En. Abbas panjang umur dan sihat sentiasa. **SELAMAT HARI LAHIR.**

Pada 4/4/2006 Pihak kelab telah menziarahi Pn Zurina Bt Mohd Nor diatas kematian ayah beliau pada 2/4/2006 (Ahad) di Johor Negeri Sembilan. Kelab mengucapkan takziah moga beliau bersabar dan moga ayah belau di tempatkan bersama-sama orang-orang yang soleh.

Program Bakti Siswa telah diadakan pada 10 hingga 16 April 2006 di Pulau Langkawi. Program ini telah dianjurkan oleh STAD. Beberapa kakitangan yang bertugas dan para pelajar yang terpilih telah hadir di program tersebut.

Pada 17/04/2006 Pn Zurina Bt Mohd Nor telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Puchung. Beliau telah mengalami sesak nafas. Sehingga kini beliau masih belum pulih lagi dan dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya di tingkat 4. Kelab mendoakan semoga beliau cepat sembuh.

Pada 28/04/2006 En Mohamed Amin Ismail telah di masukkan ke Pusat Perubatan Kampung Baru kerana penyakit Ulser Usus. Beliau telah beransur ansur sembuh dan akan bertugas semula pada 22/05/2006. Beliau mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi menziarahi, mengambil berat dan mendoakan akan kesihatan beliau.

Pada 10/05/2006 **Bapa kepada Pun Junaidah Hassan telah meninggal dunia, jam 1.30 pagi** di Simpang Lima, Kuala Selangor, Selangor. Semoga Puan Junaidah tabah menghadapinya dan semoga

allahyarham di tempatkan bersama-sama orang-orang yang beriman.

Pada 02/05/2006 **Puan Azidatul Shurina dari LTD telah berpindah kerja** ke kampus UIAM Kuantan Pahang. Semoga beliau beroleh kejayaan dan kegembiraan di sana.

Pada 06-10/05/2006 **Pegawai-pegawai Pusat Matrikulasi UIAM telah menghadiri Mesyuarat UPU di Melaka.** Mesyuarat pengambilan pelajar baru untuk sessi 2006/2007. Pelajar-pelajar tersebut akan mendaftar pada bulan Julai 2006.

Pada 06/05/2006 **Isteri En. Azmy Mohd Husin dari STAD telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya.** Isteri beliau mengalami masalah pada kandungannya. Isteri beliau akan tinggal di hospital sehingga ber-salin.

Pada 07/05/2006 **En Shamsul Bahari dari ITU telah telibat dengan kemalangan.** Beliau mengalami patah di bahagian tangan kanan. Buat masa ini beliau berada di rumah dan mendapat rawatan di Hospital Damai. Taman Melawati. Keadaan beliau beransur pulih dan dijangkakan mengambil masa yang lama untuk sembuh. Kelab mendoakan semoga beliau cepat sembuh.

Pada 28/05/2006 **En. Azrul Hazle dari Jabatan RMDD akan melangsungkan majlis perkahwinan dengan Cik Zakiah bt Hj Rani** di No 1 Kampung Tanjung Bukit, 09200 Ku-pang Baling Kedah. Beliau akan mengadakan majlis kenduri di rumah beliau di No 2 Jalan Pinggiran 4A/7 Desa Pinggiran Putra, 43000 Kajang Selangor.

Pada 16/05/2006 **En. Wan Ismail dari Jabatan RMDD telah mendapat cahayamata yang kedua.** Beliau telah mendapat anak lelaki di hospital Ampang Puteri. Kelab mengucapkan tahniah dan mendoakan semoga sihat cepat.

Pada 15/05/2006 **En. Abdul Razak Abu Bakar Timbalan Dekan LTD telah mula bertugas.** Kedan beliau hampir pulih sepe-nuhnya. Kelab mengucapkan Selamat Bertugas.

Keluaran 15/06

Mei 2006

Dari Abdullah bin 'Amr r.a.,
Rasulullah
s.a.w.bersabda,

**"Sampaikanlah
pesanku biar-
pun satu ayat..!"**

Kandungan

Jaga Kebersihan ketika hamil	2
Resepi—Acar Buah-Buahan	2
Rahsia Surah Kautsar	3
Perjalanan Takdir Yang Mmenakjub-	3
Wasiat Buat Isteri Yang Tersayang	4
Malaikat menjamin melindungi orang	5
Bersama Juruaudir Kelab	6

MUTIARA KATA

ADALAH TIDAK BERDOSA UNITUK MENCUBA DAN MENEMUI KEGAGALAN TETAPI BERDOSA KERANA TIDAK MENCUBA

Kesihatan

Jaga kebersihan ketika hamil

Walaupun rasa malas sering muncul, wanita hamil diminta untuk mengatasinya. Berikut adalah perkara yang harus diperhatikan oleh setiap wanita hamil ketika merawat dan menjaga kebersihan peribadi.

1. Menjaga kebersihan rambut. Selama kehamilan, rambut akan tumbuh lebih cepat, tebal dan berkilat sehingga akan nampak berminyak. Untuk mengatasinya, cucilah rambut paling sedikit 2-3 kali seminggu.
2. Beruslah gigi secara teratur untuk menghindari terjadinya jangkitan di rongga mulut. Jangkitan yang terjadi di rongga mulut akan mudah tersebar ke organ yang lain. Selain, periksalah gigi ke doktor secara teratur.
3. Jagalah kebersihan kulit dengan baik. Ketika mandi, gosoklah kulit secara perlahan untuk menghindari terjadinya luka. Kulit yang luka sangat mudah dijangkiti oleh kuman-kuman penyakit.
4. Peliharalah kebersihan payudara. Lakukan urutan

mengikuti nasihat doktor. Sokong payudara anda dengan pakaian dalam yang lebih besar dan cukup menyokong.

5. Jagalah kebersihan alat kelamin untuk menghindari jangkitan kandungan. Jika kandungan anda dijangkiti tentunya akan akan membahayakan pertumbuhan dan perkembangan janin

Bayam kuatkan mata

Dikatakan orang yang kerap makan sayur bayam adalah sesetengah lebih rendah risiko untuk mendapat penyakit 'macular degeneration' yang berkaitan dengan keupayaan retina mata untuk mengawal cahaya. Ini kerana pendedahan kepada sinar UV boleh memberikan kesan negatif pada mata seperti penyakit kanser kelopak mata, kornea dan sebagainya lagi.

RESEPI

Acar Buah-Buahan

Bahan-bahannya

4 biji limau nipis/kasturi jeruk
 10 biji belimbing buluh jeruk
 20 biji cermai jeruk
 5 biji mangga muda jeruk
 1 cawan kismis
 5 biji buah pala jeruk
 1 mangkuk kecil halia jeruk
 10 biji prune
 250gm buah asam boi - warna merah
 5 biji buah bidara jeruk
 20 biji bawang merah, biar sebiji-sebiji
 5 biji bawang putih, biar sebiji-sebiji sedikit bijan goreng
 1/2 botol kecil cuka putih
 2 1/2 cawan gula
 1 1/2 cawan cili kering yang telah siap dikisar
 2 sudu serbuk ketumbar
 1 sudu serbuk jintan manis

1 sudu serbuk jintan putih sedikit bijan goreng

5 biji bawang merah dihiris

3 biji bawang putih, dihiris

1 cawan minyak untuk menumis

Cara Menyediakannya

Panaskan minyak, tumiskan bawang hingga wangi. kemudian masukkan cili kisar. Bila cili garing, masukkan serbuk ketumbar, jintan manis dan jintan putih.

Bila telah wangi, masukkan gula dan cuka. Bila gula telah larut dan pekat, masukkan buah-buahan serta bawang. Masaklah hingga pekat dan agak kering.

Akhir sekali, masukkan bijan goreng. Bolehlah diangkat dan dihidangkan.

ps : Acar tahan disimpan selama dua minggu.

Selamat mencuba.



RAHSIA SURAH KAUTSAR

Surah ini paling pendek, hanya mengandungi 3 ayat dan diturunkan di Makkah dan bermaksud sungai di syurga. Kolam sungai ini diperbuat daripada batu permata nan indah dan cantik. Rasanya lebih manis daripada madu, warnanya pula lebih putih daripada susu dan lebih wangi daripada kasturi. Surah ini disifatkan sebagai surah penghibur hati Nabi Muhammad s.a.w. kerana diturunkan ketika baginda bersedih atas kematian 2 orang yang dikasihi iaitu anak lelakinya Ibrahim dan bapa saudaranya Abu Talib.

Pelbagai khasiat terkandung di dalam surah ini dan boleh kita amalkan:-

- 1) Baca surah ini ketika hujan dan berdoa, mudah-mudahan Allah s.w.t. makbulkan doa kita.
- 2) Jika kita kehausan dan tiada air, bacalah surah ini dan gosok di leher, Insya'allah hilang dahaga.
- 3) Jika sering sakit mata, seperti berair, gatal, bengkak, sapukan air mawar yang sudah dibacakan surah ini sebanyak 10x pada mata.
- 4) Jika rumah dipercayai terkena sihir, baca surah ini 10x, mudah-mudahan Allah s.w.t. bagi ilham pada kita dimana letaknya sihir itu.
- 5) Jika membacanya 1,000x rezeki kita akan bertambah.
- 6) Jika rajin membacanya, hati kita akan menjadi lembut dan khusyuk ketika menunaikan solat.
- 7) Jika orang teraniaya dan terpenjara membacanya sebanyak 71x, Allah s.w.t. akan memberikan bantuan kepadanya kerana dia tidak bersalah tetapi dizalimi.

RENUNGAN : Perjalanan Takdir Yang Menakjubkan

"Pada suatu hari sepasang suami isteri sedang makan bersama di rumah mereka. Sedang mereka makan, kedengaran pintu rumah mereka diketuk oleh seseorang. Si isteri telah membuka pintu dan dilihatnya seorang lelaki meminta sedekah. Si isteri merasa terharu dan dia bermaksud hendak memberikan sesuatu. Tetapi sebelumnya dia bertanya dahulu kepada suaminya, "Wahai suamiku, bolehkah saya memberikan makanan kepada pengemis ini?" Alangkah sedihnya hati si isteri apabila mendengar jawapan daripada suami yang dicintai yang telah menjawab, "Tidak usah! Usir saja dia, dan tutup kembali pintu!" Dengan kuasa Allah, pada suatu ketika si suami yang menjalankan perniagaan telah mengalami kerugian yang teruk dan menderita kerana banyak hutang, sehingga rumah tangga mereka porak peranda. Akhirnya rumah tangga mereka musnah akibat berlaku perceraian. Tidak lama setelah itu bekas isterinya berkahwin lagi dengan seorang pedagang di kota. Dikisahkan, pada suatu hari ketika ia sedang makan bersama suaminya (yang baru), tiba-tiba ia mendengar pintu rumahnya diketuk orang. Setelah dibuka pintu ternyata tamu tak diundang itu adalah seorang pengemis yang sangat mengharukan hati wanita itu. Maka wanita itu

berkata kepada suaminya. "Wahai suamiku bolehkah saya memberikan sesuatu kepada pengemis ini?" Suaminya menjawab, "Berilah makan kepada pengemis itu." Setelah memberi makanan kepada pengemis itu isterinya masuk ke dalam rumah sambil menangis. Suaminya dengan perasaan hairan bertanya kepadanya, "Mengapa engkau menangis? Apakah engkau menangis kerana saya menyuruhmu memberikan daging ayam kepada pengemis itu?" Wanita itu menggelengkan kepalanya, lalu berkata dengan nada yang sedih dan sambil tersak-esak menahan tangis, "Wahai suamiku. Saya sedih dengan perjalanan takdir yang sungguh menakjubkan hatiku. Tahukah engkau siapa pengemis yang ada di luar itu? Dia adalah suamiku yang pertama dahulu." Mendengar keterangan isterinya sedemikian, sang suami sedikit terkejut, tetapi segera ia pula bertanya "Dan tahukah engkau siapa saya yang kini menjadi suamimu ini. Saya adalah pengemis yang dulu diusirnya...!" Begitulah kisahnya, saudara-saudaraku, maka berikan sesuatu itu kepada yang haqnya. sahah suka menghina dan mencaci sesama kita, terutama yang kurang bernasib baik. Allah itu MAHA KUASA. SUBHANAL-LAH.. !

KISAH BENAR - WASIAT BUAT ISTERI TERSAYANG.....

Semoga cerita ini dapat kita ambil sebagai pengajaran. InsyaAllah.Buat semua,pada yang dah berkahwin,baru nak kahwin ataupun akan kahwin nanti,kisah nie biarlah tersemat didalam jiwa...

Kira-Kira 15 hari yang lalu, seorang hamba Allah (si A), telah pun kembali ke rahmatullah secara mengejut (kerana sakit jantung).Allahyarham adalah merupakan seorang yang amat dihormati dan disegani di kampung beliau. Semasa jenazah Allahyarham diletakkan di ruang tamu rumahnya sementara menunggu untuk diuruskan oleh saudara mara dan sahabat handai, isteri Allahyarham tidak berhenti- henti meratapi jenazahnya sambil merungut-rungut. Si penulis (penulis asal cerita ini) yang kebetulan anak saudara Allahyarham, ada di sebelah balu Allahyarham pada ketika itu. Beliau merasa amat hairan dengan sikap balu arwah itu. Si balu sepatutnya membaca ayat-ayat suci al-Quran untuk dihadiahkan kepada arwah.Kira-kira 10 minit kemudian, kakak ipar arwah (kakak balunya)pun sampai. Beliau turut merasa hairan dengan sikap adiknya yang meratapi dan merungut itu, lantas beliau melerang adiknya berbuat demikian sambil bertanya akan sebabnya. Penulis yang masih berada disitu merasa amat terkejut apabila mendengar jawapan yang diberikan oleh balu Allahyarham itu.Antara jawapannya ialah: Suaminya tidak membuat surat wasiat (yang sebenarnya ada).Tanah pusaka milik suaminya tidak sempat ditukarkan ke nama beliau dan anak-anaknya. Suaminya tidak sempat memindahkan saham syarikat suaminya bersama-sama adik-adiknya kepada beliau (Allahyarham memegang saham sebanyak 50% dan 5 orang adik-adiknya memegang 10% setiap seorang).Untuk makluman, arwah adalah seorang yang agak berjaya dalam perniagaannya. Syarikat yang diuruskan oleh arwah sangat maju de wasa ini.Di samping itu, arwah memiliki kira-kira 12 ekar tanah dipinggir Putra Jaya dan kira-kira 50 ekar di sekitar kawasan Sepang/Dengkil.

Setelah seminggu arwah dikebumikan, peguam arwah memanggil waris-warisnya untuk dibacakan surat wasiat arwah. Penulis juga turut dipanggil tanpa mengetahui akan sebabnya. Allahyarham mempunyai 4 orang anak, yang sulong masih lagi bersekolah di tingkatan 4 manakala yang bongsunya berusia 6 tahun. Antara kandungan surat wasiat Allahyarham ialah: 30% syer perniagaannya diserahkan kepada anak saudara perempuannya yang juga ahli perniagaan,dan 20% lagi diagihkan sama rata kepada anak-anaknya dengan anak saudara perempuannya sebagai pemegang amanah. Tanah pusakanya seluas 10 ekar di pinggir Putra Jaya dibahagikan sama rata kepada anak-anak perempuannya (2 orang) dan 2 ekar untuk anak saudara lelakinya yang juga pemegang amanah untuk anak-anak perempuannya. Anak-anak lelakinya yang berumur 14 dan 10 tahun, diberikan tanah 15 ekar seorang dengan saudara lelakinya sebagai pemegang amanah.Saham-sahamnya diserahkan kepada anak-anaknya dan dibahagikan mengikut hukum syarak, dan diuruskan oleh Saudara perempuannya yang diberi 20%. Wang tunainya di bank (persendirian diamanahkan kepada kakaknya untuk menampung pembentahan anak-anaknya jika isterinya tidak berkahwin lagi. Jika isterinya berkahwin lagi, beliau meminta peguamnya meminta mahkamah memberikan hak penjagaan anak-anaknya kepada kakaknya. Rumah dan tapak rumahnya diwakafkan untuk anak-anak yatim Islam dan sebuah surau,dan hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam. Harta-hartanya yang lain iaitu 2 buah kereta diberikan kepada adik lelakinya yang ketiga dan kelima; manakala baki tanah 20 ekar dibahagikan sama rata kepada adik-adik dan kakaknya. Setelah selesai wasiat tersebut dibaca, isterinya membantah keras kerana tiada satu pun harta yang diserahkan kepadanya melainkan sebuah proton saga yang tidak dimasukkan dalam wasiat tersebut (yang memang digunakan oleh isterinya). Belum sempat isterinya terus membantah, peguam Allahyarham membacakan satu kenyataan mengenai isterinya yang terkandung dalam wasiat itu.

"Isteriku tidak akan kuberikan apa-apa kecuali pengampunan.Terlalu banyak dosanya kepadaku. Maka pengampunan adalah hadiah yang paling berharga." "Tidak pernah aku merasa masakannya sejak mula berkahwin walaupun pernah aku suarakan. Tiada belas kasihan terhadap aku, baik semasa sakit apatah lagi jika aku sihat." "Herdik dan tengking kepada aku dan anak-anak adalah lumrah. Keluar rumah tidak pernah meminta kebenaran daripada aku. Makan dan minum anak-anak adalah tanggungjawab bibik (pembantu rumah).Kain bajuku tidak pernah diuruskan, dan yang paling menyedihkan, tiada mahunya dia mendengar pandangan dan nasihatku untuk kesejahteraan rumahtangga." "Kebahagiaan aku selama ini hanya dengan amalanku,tugas seharianku,anak-anakku dan adik-beradikku, terutama kakakku (yang sebagai pengganti ibu)."

Selepas peguam Allahyarham membacakan kenyataan itu,barulah penulis faham mengapa balu Allahyarham begitu meratap dan merungut semasa berada disisi jenazahnya. Marilah kita renungi bersama.Semoga dengan apa yang terjadi di atas,akan memberikan satu pengajaran yang berguna kepada kita sebagai umat Islam



Malaikat menjamin melindungi orang Yang berselawat .

Apa kah kita tidak cinta kepada Rasulullah SAW?

Malaikat memberikan jaminan masing masing untuk orang yang berselawat keatas Rasulullah Baginda bersabda bahawa Malaikat Jibril, Mikail, Israfil dan Izrail Berkata Jibril: "Wahai Rasulullah, barang siapa yang membaca selawat ke atasmu tiap-tiap hari sebanyak 10 kali, maka akan saya bimbing tangannya dan akan saya bawa dia melintasi titian seperti kilat menyambar. Berkata pula Mikail: "Mereka yang berselawat ke atas kamu, akan aku beri mereka itu minum dari telagamu. Berkata pula Israfil: "Mereka yang berselawat kepadamu, akan aku sujud kepada Allah dan aku tidak akan mengangkat kepala hingga Allah mengampuni orang itu. Izrail pula berkata: "Bagi mereka yang berselawat ke atasmu, akan aku cabut roh mereka itu dengan selembut-lembutnya seperti aku mencabut roh nabi-nabi." Dalam satu riwayat Sufyan As Sauri menceritakan: "Apabila bertawaf mengelilingi Kaabah, saya melihat seorang lelaki, dia membaca selawat kepada Rasulullah. Apabila saya mendekatinya, lalu bertanya "Mengapa anda meninggalkan bacaan tasbih, tahmid dan tahlil, justeru, hanya membaca selawat? Adakah sesuatu berlaku kepada diri anda? "Siapakah anda ini?" tanya orang itu "Saya Sufyan As Sauri " jawab saya.

"Baiklah akan aku ceritakan," kata lelaki tadi. katanya: "Aku meninggalkan ayahku untuk mengerjakan haji. Dalam perjalanan, ayahku sakit dan sakitnya itu membawa kematian. "Aku bersedih dengan kematianya. Wajah ayahku yang tampan itu bertukar menjadi hitam legam, aku menutup wajahnya dengan kain. "Aku sedih sekali dan malu jika orang mengetahuinya, sedang ayahku adalah seorang ahli ibadah. "Aku terus bertafakur dan tertidur. "Dalam tidur, aku bermimpni seakan-akan melihat sinar yang semakin mendekati tempatku itu, dan ternyata sinar itu berasumber dari seorang yang sangat gagah, lagi tampan. "Pakaianya bersih, wajahnya bersinar terang, baunya harum sekali. Aku tidak pernah melihat orang ini sebelumnya dan aku belum mengenalinya "Dia terus menuju kepadaku. Satu-satu langkahnya, hingga dia berada di sisiku. "Ada apa kesusahanmu?" tanyanya." "Ayahku telah meninggal dunia, aku menangis. "Dan belum sempat aku bercerita seterusnya, dia berkata. "Jangan menangis semua manusia mesti mati." "Tetapi wajahnya hitam legam. Tolonglah aku," aku merayu-rayu terus mengharapkan bantuan.

"Tanpa berbicara apapun lagi, dia terus membuka kain yang menutup wajah ayahku itu, lalu mengusap telapak tangannya pada wajah ayahku. Ajaib sekali, aku hampir tidak percaya apa yang telah berlaku. Wajah ayahku kembali semula putih bersih, dan lebih bercahaya daripada asalnya. "Apa penawarnya? Sampai perkara yang cukup ajaib ini dapat berlaku. "Dia kemudian mengambil kain tadi dan menutup semula wajah ayahku itu Kemudian dia pun hendak kembali semula dari arah yang dia dating "Melihat dia akan pergi, dan aku belum lagi tahu siapa orang ini, maka aku segera memegang bajunya seraya bertanya, siapakah tuan yang telah menolong ayahku ini? "Dia tersenyum dan kelihatan nur dan cahaya bersinar dari senyumannya. Wajahnya seperti bulan purnama. "Aku ini Muhammad," jawabnya. "Muhammad siapa?" aku meminta penerangan lagi. "Muhammad, Rasulullah. Akulah pembawa al-Quran," jelasnya. "Aku terduduk dan terpinga-pinga untuk menikmati wajahnya yang mulia "Inilah dia Rasulullah," aku berkata dalam hatiku, lidahku kelu, tidak berkata apa-apa pun. "Ayahmu ini terlalu banyak membuat sia-sia dalam hidupnya, namun begitu dia selalu membaca selawat dan salam kepadaku. Ketika dia mengalami hal buruk ini, dia memohon kepadaku untuk membantunya, maka aku dating ini untuk membantunya, dan aku selalu menolong orang yang selalu membaca selawat dan salam kepadaku" jelasnya. "Pada saat itulah aku terkejut dari mimpiku itu, dan aku terus teringat apa yang berlaku dalam mimpi itu. "Aku terus membuka kain yang menutupi wajah ayahku itu, dan betullah seperti yang berlaku dalam mimpi tadi. Wajah ayahku kembali putih bersih dan bercahaya lebih daripada mulanya," kata lelaki itu. FAKTA: Fadilat berselawat ke atas Nabi. Allah mengampunkan dosa mereka yang berselawat ke atas Rasulullah. Berganda-ganda rahmat yang dilimpahkan Allah kepadanya. Tempat yang berhampiran Nabi Muhammad, pada hari kiamat kelak di mana saja Baginda berada. Keutamaan beroleh syafaat khas daripada Nabi Muhammad pada hari kiamat Doa selawat malaikat yang sentiasa berselawat kepadanya selama dia berselawat kepada Nabi Muhammad. Jaminan terpelihara dan terselamatnya dari segala apa yang mendukacitakan dan membimbangkannya daripada perkara dunia dan akhirat. Habuan yang menyelamatkan dia daripada ditimpakan keburukan yang menimpakan orang yang tidak berselawat kepada Nabi Muhammad.





Biro Perhubungan dan Penerbitan
Kelab Kebajikan Kakitangan

Phone: 03-77803216
Fax: 03-79571006

<HTTP://IIU.EDU.MY/KKK>

"**KEM AMAKKU DAH REMAJA"**

Biro Hal Ehwal Wanita-akan mengadakan Kem "Anakku Dah Remaja"

Tarikh: 1-2/06/2006
(khamis, Jumaat)

Tempat: Mahallah Zainab
Al Jahsyi

Ahli: RM30.00

Bukan Ahli : RM40.00

Sasaran: Remaja
11-15 tahun

Hubungi: Pn. Azizah
ext. 3218
Pn. Faridah
Ext. 3217

BERSAMA JURUAUDIT 2

Nama: Mohd Jazmie bin Jusoh

No staff: 2236

Jawatan di UIA: Penolong Pegawai Tadbir

Jawatan di Kelab: Juruaudit 1



Alamat : No. 29 Jalan Pelangi 1, Taman Pelangi
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

Berapa lama jadi ahli kelab: Lebih 10 tahun

Tarikh Lahir : 21 Februari 1969

Tempat lahir : Besut, Terengganu

Email : mjazmie@iiu.edu.my

Berapa cahaya mata: - 1 Puteri

Harapan terhadap kelab: Diharapkan supaya semua ahli kelab akan lebih bekerjasama dan bersatu padu agar semua program yang dirancang akan berjalan lancar. Ahli-ahli kelab tidak hanya pandai menundung jari sekiranya berlaku kegagalan.

Kenangan manis bersama kelab : Menjuarai acara karom berpasukan dalam Acara Sukan antara Jabatan (ASUAN 2005)

Kenangan pahit bersama kelab: Main bola sampai nampak bintang (*pening kepala le tu*) semasa perlawanan persahabatan dengan Jabatan IRKHS di Matrik Lembah Pantai.

Cadangan kepada Kelab: Supaya Kelab Kebajikan Kakitangan (KKK) Pusat Matrikulasi UIA merupakan sebuah persatuan yang betul-betul memberi dan menjaga kebijakan ahli-ahlinya sebagaimana objektif utama penubuhan kelab ini.

MOTIVASI INTENSIF MATEMATIK

Kelab akan mengadakan program motivasi dan intensif Matematik kepada anak-anak kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM.

Objektif : Memberi peluang untuk anak-anak di tahun kritis membuat ulangkaji khas untuk peperiksaan. Memberi semangat dan motivasi untuk menempah kejayaan. Memberi pengisian masa cuti yang berfaedah. Memahirkan anak-anak kakitangan yang memerlukan intensif matematik.

Tarikh: 29-31 Mei 2006, **Tempat :** Pusat Matrikulasi UIAM

Yuran: RM100.00 termasuk makan & minum

Sasaran : UPSR,PMR & SPM

Anjuran: Kelab Kebajikan Kakitangan dan Kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling & Matrik Peers 2006

CEPAT CEPAT .. PENYERTAAN TERHAD KEPADA 60 PESERTA SAHAJA.

BUAT RENUNGAN

Lama benar saya tidak berjumpa dengan Ariffin. Rasanya sudah lebih tujuh tahun sejak kawan lama saya itu di arahkan mengajar di Johor. Kerana itulah, apabila dia datang ke pejabat saya pagi itu, saya merasa terlalu seronok. Eh, makin kurus nampak. Diet ke ?" kata saya setelah mempersilakannya duduk. " Tak adalah... biasa la cikgu, kan sekarang ni macam-macam kerja. Kurikulumlah, kokurikulumlah, sukanlah... badan gemuk pun boleh jadi tinggal tulang," balas Arifin. "Tengok ni ustaz, baju pun dah menggelebeh. Seluar pun longgar," tambah Arifin sambil menarik lengan baju untuk menunjukkan betapa kurusnya dia dan besarnya baju yang di pakai. Selepas bertanya itu ini dan mengusiknya serba sedikit, saya bertanya Arifin tentang hajatnya datang menemui saya. Yalah, tiba-tiba saja muncul, pasti ada hajat yang hendak di sampaikan. Orang rumah saya sakitlah, ustaz ", kata Arifin. Patutlah aku tengok engkau lain macam aja tadi. Ketawa pun hendak tak hendak. Sakit apa ?" saya bertanya. Agak lambat Arifin menjawab. Dia menarik nafas, kemudian meraup muka dan seterusnya bersandar di kerusi. Setelah itu di sorotnya mata saya dalam-dalam. " Entahlah..." katanya perlahan, "lima tahun lalu tiba-tiba saja badan dia lepuh-lepuh. Di kaki, paha, perut, dibelakang... penuh dengan lepuh macam orang terkena air panas," kata Arifin. Tambah kawan lama saya itu, dia telah membawa isterinya , Niza, ke merata hospital dan klinik, namun ubat yang di beri oleh doktor tidak dapat melegakan penyakitnya. "Sakit apa, doktor pun tak tau," tambahnya. Dah pergi berubat kampung ?" saya bertanya. Dah,tapi macam biasalah...bomoh, cakap kena buat orang, terceroboh kawasan orang bunian, sampuk... macam-macam lagi. Duit banyak habis, masa terbuang, tapi sakitnya takjuga sembah," jelas Arifin. Malah, kata kawan saya itu, lepuh-lepuh menjadi bertambah banyak pula hingga tubuh isterinya yang langsing menjadi sembab. Wajahnya yang cantik juga berubah murung, kusut " Itu masih tak mengapa ustaz. Yang menambahkan kebimbangan saya, setelah beberapa lama, lepuh-lepuh itu bertukar pula jadi gerutu dan berbintil-bintil macam katak puru," tambah Arifin. Akibatnya, sekali lagi Niza menderita kerana selepas tubuhnya hodoh akibat sembab, seluruh kulitnya yang dulu licin menjadi jelik. Dari tangan, bintil-bintil kecil dan besar seperti bisul tumbuh merata, kaki hingga ke muka. Di sebabkan penyakit itu, kawan-kawan yang datang melawat terkejut kerana hampir tidak ngenalinya lagi. Akibatnya, Niza terpaksa berhenti kerja. Dia malu untuk berhadapan dengan kawan sepejabat. Memang ada yang bersympati tapi ada juga yang mengejek. Kebanyakkannya menyindir di belakang, tapi ada juga yang tanpa rasa bersalah mengaibkannya secara berhadapan. Dua tiga tahun berlalu, penyakit Niza bertambah parah. Sehelai demi sehelai rambutnya gugur hingga hampir botak. Rambut yang lembut mengurai menjadi jarang hingga menampakkan kulit kepala yang memutih. Keadaannya itu sangat menyedihkan kerana usia awal 30 an, rambutnya seperti wanita berumur 90 an. Seperti daun getah luruh di musim panas, semakin hari semakin banyak rambut Niza gugur. Dalam waktu yang sama, kuku tangan dan kakinya juga menjadi lebam. Daripada biru, ia bertukar kehitaman seperti di penuhi darah beku. Tiap hari, dia termenung. Dia mengeluh, kenapalah dia sakit macam ni. Kenapa dia, buka n orang lain ? Apa salah dia ? Kesian betul saya tengok," kata Arifin. Wajahnya sayu " Hidup kami pun jadi tak terurus macam dulu". Di sebabkan doktor tempatan gagal menyembuhkan penyakit Niza, Arifin membawa isterinya ke Singapura. Hampir sebulan mereka di sana dan banyak wang di habiskan namun pulang dengan hati kecewa. Doktor di negara itu juga tidak dapat mencari penawar keadaan penyakit berkenaan. Sekarang ni, keadaan isteri saya dah bertambah teruk. Bila malam saja dia meraung, meracau dan menangis-nangis. Jadi, saya harap ustaz dapatlah tolong serba sedikit sebab dah habis ikhtiar saya mengubatnya cara moden,"tambah Arifin. Insya-Allah....' Balas saya. Tapi saya mula terasa pelik. Perasaan ingin tahu mula bercambah kerana berdasarkan pengalaman, kata-kata yang diluahkan semasa seorang yang meracau dapat membantu kita merawatnya. Ini kerana semasa meracau itulah dia meluahkan segala yang terbuku di hati. Apa yang dia cakap masa meracau tu ?" Macam-macam ustaz... tapi ada waktunya dia minta ampun maaf daripada saya. Saya tanya kenapa ?. Dia tak cakap, Cuma minta maaf saja. Yalah... orang dah sakit memang macam tu," kata Arifin. Saya cuma mendiamkan diri. Mengiakan tidak, menggeleng pun tidak. Setelah berbincang lama, dia meminta diri . Sebelum pulang, saya berjanji untuk kerumah Arifin pada malam esoknya. Datang ya, ustaz . Saya tunggu," katanya sambil mengangkat punggung. Dia kemudiannya melangkah lemah meninggalkan pejabat saya. Seperti yang di janjikan, saya sampai ke rumahnya selepas isyak. "Jemput masuk ustaz," Arifin memperlawata sambil membawa saya ke sebuah bilik. "Dia baring dalam bilik ni. Ustaz jangan terkejut pula tengok muka dia. Orang rumah saya ni sensitif sikit," bisiknya sebelum kami masuk ke bilik berkenaan. Sebaik pintu di buka, kelihatan seorang wanita berselimut paras dada terbaring mengiring mengadap ke dinding. " Za... ni Ustaz Nahrawi datang," kata Arifin perlahan sambil memegang bahu isterinya. Dengan lemah, Niza menoleh. Masya-Allah memang keadaan Niza sangat menyedihkan . Wajahnya penuh dengan bintil-bintil yang menggerutu. Matanya terperosok ke dalam manakala tulang pipi membojol seperti bongkah batu yang membayang di permukaan tanah. Badannya pula kurus cengkung dan kepala separuh botak menandakan dia sudah lama menderita. Niza Cuma tersenyum tawar memandang saya. Saya dekati dia dan selepas lima minit meneliti keadaannya, saya panggil Arifin ke sudut bilik. Dengan suara berbisik, saya bertanya; " Pin, saya nak tanya sikit, tapi sebelum tu minta maaflah kalau nanti awak tersinggung ". Tak adalah ,ustaz. Tan-yalah, saya tak kisah," jawab Arifin. "Err,...dari mana datangnya bau yang..." soal saya, tapi tak sanggup nak menghabiskannya. Bau yang saya maksudkan itu agak busuk. Ooo... mmm, dari alat sulit dia," kata Arifin perlahan . "Keluar lendir bercampur nanah." Saya tidak memanjangkan lagi topik itu kerana tidak mahu memalukanArifin dan isterinya. Lagi pun tidak manis untuk bertanya tentang hal-hal yang seperti itu. Sebelum kami duduk semula di sisi Niza, saya memberitahu Arifin, kadangkala di timpa penyakit sebegini sengaja di turunkan balasan oleh Allah kerana melakukan dosa atau derhaka kepada ibu atau bapa.

Lantas saya bertanya, adakah Niza sudah meminta ampun daripada ibu bapanya. " Sudah ustaz. Dengan emak dan ayah nya saya pun sudah." Kalau macam tu, baguslah," kata saya. Setelah merawat Niza dengan doa dan ayat yang dipetik dari al-Quran, saya meminta diri. Sebelum itu saya nasihatkan Arifin dan Niza serta keluarga mereka supaya bersabar dengan ujian Allah. " Sama-sama kita berdoa supaya dia sembuh," kata saya sebelum meninggalkan rumah Arifin. Sudah ketentuan Allah, ruparupanya keadaan Niza menjadi bertambah parah. Perkara ini saya ketahui apabila Arifin menghubungi saya beberapa minggu kemudian. Menurut kawan saya itu, isterinya kini kian teruk racaunya. Memang benar. Bila saya menziarahnya petang itu, Niza kelihatan semakin tenat. Sekejap-sekejap dia meracau yang bukan-bukan. Malah saya pun tidak dikenalinya lagi. Sebelum pulang saya menasihatkan Arifin supaya melakukan solat hajat memohon ke hadrat Ilahi supaya menyembuhkan isterinya. Nasihat saya itu dipatuhi namun beberapa hari kemudian Arifin menalfon lagi. Kali ini suaranya lebih sedih, seperti hendak menangis. "Ustaz," katanya, " sekarang barulah saya tau kenapa dia jadi macam tu" "Kenapa ?" pantas saya bertanya. " Sejak dua tiga malam lepas, dia minta ampun daripada ; saya dan ceritakan segala-galanya". Arifin menyambung ceritanya; Malam itu saya terkejut sebab semasa meracau isteri saya minta ampun kerana telah mengenakan ilmu kotor kepada saya. Kata Niza, dia telah memasukkan darah haid dan air maninya ke dalam makanan saya. Saya tanya "kenapa ?" Dia jawab, supaya ikut kata-katanya dan tak cari perempuan lain . Tambah saya kesal, selepas itu dia meminta ampun pula kerana telah berlaku curang kepada saya. Kata Niza, dia lakukan perbuatan terkutuk selepas saya di tundukkan dengan ilmu hitam. "Saya tanya, masa bila awak buat?" Dia jawab semasa ketiadaan saya, tidak kira lah semasa saya bertugas di luar daerah. Semasa keluar seorang diri, dia telah membuat hubungan sulit dengan beberapa lelaki. "Niza sebutkan nama lelaki-lelaki itu, tapi saya tak kenal. Kata Niza, hubungan mereka bukan setakat kawan saja, malah sudah ke tahap buat hubungan seks. Kerana itu dia minta berbanyak-banyak ampun daripada saya. Dia minta saya maafkan" Saya tak sangka betul, ustaz. Madu yang saya beri, racun yang dibalasnya. Patutlah selama ini bila berdepan dengan dia saya jadi hilang pertimbangan. Saya jadi lemah, rasa diri saya kerdil, takut nak membantah. Sudahlah begitu, dia jadi perempuan...." Kata Arifin tanpa sanggup menghabiskan kata-katanya. Termenung saya mendengar ceritanya itu. Tidak saya sangka Niza sanggup berkelakuan demikian kerana Arifin bukan orang sebarang. Arifin berpelajaran agama dan setia kepada isterinya. Budi bahasa pun elok. Kalau sudah begitu bunyinya, saya rasa awak maafkanlah dia, " ; kata saya. Selain itu saya mencadangkan kepada Arifin supaya merelakan isterinya pergi. Kata saya, mungkin nyawa isterinya itu terlalu sukar meninggalkan jasad kerana dia mahukan keampunan daripada suaminya terlebih dahulu. "Lagipun, dia sudah terlalu menderita, sampai badan tinggal tulang, kepala pun dah nak botak. Doktor pula sudah sahkan penyakit dia tidak dapat disembuhkan lagi. Jadi, pada pandangan saya, daripada dia terus azab menanggung seksaan sakaratulmaut, adalah lebih baik kalau awak relakan saja dia pergi. Saya tau ia susah nak di buat, tapi keadaan memaksa." Ampunkan dia ?" Arifin bertanya balik. " Dia dah derhaka dengan saya, buat tak senonoh dengan lelaki lain, kenakan ilmu sihir kepada saya, ustaz mau saya maafkan dia ?" tingkah Arifin dengan suara yang agak keras. Mungkin dia terkejut. "Ya... dia pergi dengan aman dan awak pula dapat pahala ; jelas saya. Saya terus memujuknya supaya beralih demi kebaikan isterinya. Saya katakan, yang lepas itu lepaslah. Lagi pun Niza sudah mengaku dosanya, jadi adalah lebih baik Arifin memaafkannya. Mungkin dengan cara itu Niza akan insaf dan meninggal dengan mudah. Takkakn awak nak biarkan dia menderita? Awak nak pukul dia? Maki dia? Tak ada gunanya.. Maafkan saja dia dengan hati yang benar-benar ikhlas," jelas saya. Setelah puas memujuk, akhirnya Arifin mengalah juga. Lalu saya nasihatkan supaya dia bacakan surah Yasin tiga kali dan ulangkan ibu Yasin(salaamun qaulam mirrabir rahim) sebanyak tujuh kali. Buat malam ni juga. Lepas itu tunaikan solat," kata saya. Seminggu kemudian Arifin menelefon saya. Dengan sedih beliau memaklumkan isterinya sudah meninggal dunia. Tambah kawan saya itu, Niza pergi tanpa siapa sedari kerana ketika itu dia sedang menunaikan solat Isyak. Bila kembali, dia lihat isterinya tidak bernyawa lagi. Tapi alhamdulillah, sebelum pergi dia sempat minta ampun daripada saya sekali lagi kerana menderhaka. Marah, memang marah, tapi bila dia pegang tangan saya sambil menangis dan kemudian minta ampun, tidak sanggup juga rasanya untuk membiarkannya pergi dalam keadaan tanpa kemaafan daripada saya. Ustaz, saya dah ampunkan dia." Namun demikian, kata Arifin, lendir dan nanah busuk masih lagi mengalir daripada alat kelamin Allahyarham isterinya itu sehingga hal mayatnya dikebumikan. Kepada wanita, kutiplah pengajaran dari cerita ini. Kepada lelaki, hati-hatilah dalam memilih isteri jangan pandang hanya pada rupa.....

